

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

**CIKGU:
ROSLE BIN YASIN**

BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

1. Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat
2. Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka
3. Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang
4. Peranan Pemerintah dan Rakyat

1. Kemunculan dan kemasyhuran Kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat

a) Senaraikan dua kerajaan Alam Melayu yang masyhur pada ketika itu. (2m)

.....
.....

b) Jelaskan maksud wilayah pengaruh dalam Kerajaan Alam Melayu. (2m)

.....
.....

c) Senaraikan 2 ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu. (2m)

.....
.....

d)) Pada pendapat anda, mengapa undang-undang digubal dan dilaksanakan oleh Kerajaan Alam Melayu. (4m)

.....

SOALAN STRUKTUR

1. Kemunculan dan kemasyhuran kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

a. Berikan dua kerajaan Alam Melayu yang masyhur pada waktu itu

i.

ii.

2 markah

F1	Funan
F2	Champa
F3	Kedah Tua
F4	Gangga Nagara
F5	Srivjaya
F6	Majapahit

b. Jelaskan maksud wilayah pengaruh dalam Kerajaan Alam Melayu

.....

.....

2 markah

F1	Kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja.
C1	Contohnya kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar dan Segenting Kra.

Maksud wilayah pengaruh ialah kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja. Contohnya seperti kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar dan Segenting Kra.

c. **Senaraikan Ciri-ciri Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu**

i.

ii.

iii.

3 markah

F1	Raja
F2	Undang-undang
F3	Wilayah pengaruh
F4	Rakyat

d. Pada pendapat anda, apakah tujuan undang-undang dilaksanakan oleh Kerajaan Alam Melayu?

.....

F1	Memastikan kesejahteraan sesebuah kerajaan
C1	kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang Kutara Manawa
F2	Menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan
H2a	Pentadbiran kerajaan berjalan dengan cekap (mana-mana yang munasabah)

d. **Pada pendapat anda, apakah tujuan undang-undang dilaksanakan oleh Kerajaan Alam Melayu?**

Tujuan undang-undang dilaksanakan bertujuan untuk memastikan kesejahteraan sesebuah kerajaan. Dengan adanya undang-undang boleh mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam kerajaan Alam Melayu. Contohnya, kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang Kutara Manawa. Rumusan yang dapat dibuat dengan adanya undang-undang tersebut telah membolehkan kerajaan Majapahit berkembang dengan pesat dan menjadi empayar yang agong pada zamannya. (Infrens)

Tujuan undang-undang dilaksanakan bertujuan untuk menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan supaya pentadbiran kerajaan berjalan dengan cekap dan lancar. Kesimpulannya dengan pelaksanaan undang-undang boleh mewujudkan keamanan dan kesejahteraan Secara tidak langsung ia akan dapat menarik kedatangan pedagang untuk datang berdagang seterusnya dapat memajukan kerajaan. (Infrens)

2. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang berasaskan syariah serta hukum adat

a) Senaraikan dua undang-undang tersebut. (2m)

.....
.....

b) Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan? (3m)

.....

c) Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka (2m)

.....
.....

c)) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya rakyat negara kita tidak mematuhi undang-undang? (3m)

.....

2. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang berasaskan syariah serta hukum adat

a) Senaraikan dua undang-undang tersebut.

(2m)

.....
.....

Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Laut Melaka

b. Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

F1 Menjamin pemerintahan yang lancar dan cekap

H1a Mengandungi bidang kuasa raja dan peranan pembesar

H1b Untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka

F2 Menjamin keamanan Melaka

H2a Temenggong menjaga keselamatan kota Melaka

H2b Laksamana menjaga keamanan dan keselamatan perairan

H2c Aktiviti perdagangan di Melaka berjalan dengan pesat

H2d Menarik lebih ramai pedagang dari luar untuk datang berdagang

Undang-undang tersebut diperkenalkan bagi menjamin pemerintahan berjalan dengan lancar dan cekap. Di dalam undang-undang ini, mengandungi bidang kuasa raja dan peranan pembesar. Ia bertujuan untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka. Impak daripada pelaksanaan undang-undang ini membolehkan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menguasai keseluruhan Tanah Melayu dan pantai Timur Sumatera.

Selain itu, undang-undang tersebut diperkenalkan bagi menjamin keamanan Melaka. Sehubungan dengan itu, diwujudkan jawatan Temenggong yang berperanan menjaga keselamatan kota Melaka, manakala jawatan Laksamana diwujudkan bagi menjaga keamanan dan keselamatan perairan Melaka. Hasilnya, aktiviti perdagangan di Melaka berjalan dengan pesat dan dapat menarik lebih ramai pedagang dari luar untuk datang berdagang ke Melaka

c. Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka

2m

F1	Kerajaan
F2	Rakyat
F3	Kedaulatan
F4	Wilayah pengaruh
F5	Undang-undang
F6	Lambang kebesaran

c. Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka

Ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah Kerajaan. Kerajaan muncul disebabkan oleh adanya raja. Raja pemerintah tertinggi dan dibantu oleh pembesar. Selain itu, ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah adanya rakyat. Rakyat menumpahkan kesetiaan kepada Sultan dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan. Rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.

Seterusnya, ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah kedaulatan. Kedaulatan ialah lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan dan merupakan hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayahnya. Contohnya, kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka diakui oleh kerajaan lain dan bebas daripada campur tangan kuasa asing.

Selain itu, ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah wilayah pengaruh. Wilayah pengaruh merujuk kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai wilayah pengaruh yang luas merangkumi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.

Seterusnya, ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah undang-undang. Terdapat dua undang-undang bertulis pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Undang-undang ini digunakan untuk mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat serta menjadikan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang unggul.

Akhir sekali, ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka ialah lambang kebesaran. Ia merupakan identiti dan keistimewaan Sultan Melaka. Lambang kebesaran menjadi simbol kedaulatan sultan yang memerintah. Antara contoh lambang kebesaran termasuklah adat istiadat, penggunaan warna dan nobat

d. Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku sekiranya rakyat negara kita tidak mematuhi undang-undang

Pada pendapat saya, sekiranya rakyat tidak mematuhi undang-undang, sudah pasti akan berlakunya huru-hara dalam negara. Jenayah yang dilakukan oleh rakyat akan berleluasa seperti kecurian, pembunuhan dan rogol.

Ketidakadilan sudah pasti berlaku kerana yang berkuasa pasti akan menindas yang lemah. Masyarakat berani melakukan pelbagai kesalahan kerana tiada sesiapa atau undang-undang yang dapat menghentikan perbuatan mereka. Contohnya, kegagalan mematuhi undang-undang jalan raya sudah pasti akan menyebabkan banyak kemalangan dan ramai yang terkorban dalam kemalangan.

Dalam keadaan ini, ekonomi negara akan merudum dan negara akan mengalami kemelesetan ekonomi. Selain itu, keamanan dan keharmonian negara kita akan tergugat. Politik juga tidak akan stabil dan tampuk pemerintahan negara akan tergugat. Kesimpulan yang boleh dibuat, sekiranya rakyat tidak mematuhi undang-undang ia boleh memberi ruang kepada anasir-anasir luar mengambil kesempatan terhadap negara kita untuk menjalankan aktiviti mereka seperti penyeludupan dadah, penyebaran ideologi pengganas dan pemerdagangan orang seterusnya kemungkinan boleh menguasai negara kita.

SOALAN TAMBAHAN

Mengapakah institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan?

3m

- F1 Menjadi payung rakyat**
- F2 Menjamin kesejahteraan rakyat**
- F3 Memastikan perpaduan rakyat**
- F4 Menjamin kestabilan politik**
- F5 Bertanggungjawab terhadap kemakmuran negara**

Institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan kerana ia menjadi payung rakyat. Masalah yang dihadapi oleh rakyat sekiranya tidak mendapat perhatian daripada eksekutif boleh diadukan kepada YDPA.

Selain itu, institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan kerana dapat menjamin kesejahteraan rakyat kerana Raja merupakan harapan untuk mendapatkan pembelaan dan perlindungan.

Seterusnya, institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan kerana ia berkeupayaan untuk memastikan perpaduan rakyat lebih-lebih lagi negara kita yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

Seterusnya, institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan kerana dapat menjamin kestabilan politik. Sekiranya berlaku ketegangan politik dalam kalangan ahli politik, Institusi beraja boleh menjadi orang tengah menyelesaikan masalah.

**Pada zaman dahulu rakyat dilarang menderhaka kepada raja.
Jelaskan**

- F1 dianggap sebagai bayangan tuhan di muka bumi dan rakyat mempercayai konsep dewa-raja.
- F2 Derhaka kepada raja bererti menderhaka kepada tuhan.
- F3 Rakyat mempercayai kesaktian raja
- F4 Simbol perpaduan
- F5 Kedudukan yang tertinggi dalam hierarki sosial masyarakat.
- F6 Rakyat yang menderhaka akan ditimpa tulah.
- F7 Menderhaka juga dianggap sebagai tindakan biadab oleh masyarakat zaman dahulu

Pada zaman dahulu rakyat dilarang menderhaka kepada raja. Jelaskan

Rakyat dilarang menderhaka kepada raja kerana pada zaman dahulu raja dianggap sebagai bayangan tuhan di muka bumi dan rakyat mempercayai konsep dewa-raja. Oleh itu, derhaka kepada raja bererti menderhaka kepada tuhan.

Di samping itu, rakyat juga mempercayai kesaktian raja kerana adanya unsur mitos dan legenda tentang asal usul seseorang raja. Raja dikatakan mempunyai asal usul dewa-dewa.

Seterusnya, pada zaman dahulu raja merupakan simbol perpaduan dan mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam hierarki sosial masyarakat. Hal ini demikian rakyat menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi taat serta tidak menderhaka kepada raja.

Selain itu, rakyat tidak menderhaka kepada raja kerana sesiapa yang menderhaka akan ditimpa tulah. Iaitu akan ditimpa bencana.

Akhir sekali, rakyat dilarang menderhaka kepada raja kerana menderhaka dianggap sebagai tindakan biadab oleh masyarakat zaman dahulu

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

1. Maksud Nasionalisme
2. Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat
3. Perkembangan Nasionalisme di Asia
4. Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara
5. Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita
6. Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme
7. Perkembangan Nasionalisme
8. Kesan Perkembangan Nasionalisme

1. Idea nasionalisme tidak sama antara negara dengan negara yang lain kerana idea tersebut berkait rapat dengan pengalaman sejarah .

a. Jelaskan maksud nasionalisme

- F1 Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara
- F2 Semangat kebangsaan yang berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan
- F3 Pembelaan terhadap bangsa dan negara
- F4 Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial

Nasionalisme bermaksud perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara. Nasionalisme boleh diertikan sebagai semangat kebangsaan yang berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan serta pembelaan terhadap bangsa dan negara. Selain itu, nasionalisme bermaksud gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.

b. Senaraikan tokoh sejarawan yang telah memberikan tafsiran tentang nasionalisme mengikut sudut pandangan mereka. 2m

i. _____

ii. _____

F1	Hans Kohn
F2	Profesor William R. Roff
F3	Dato'Onn Jaafar
F4	Dr. Burhanuddin al Helmi
F5	Dr. R. Suntharalingam
F6	Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid
F7	Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

c. Jelaskan tentang perkembangan idea nasionalisme di Barat.

F1	Berkembang hasil daripada penentangan terhadap pemerintahan beraja
H1a	Simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat.
C1a	Contoh nasionalisme Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis.
F2	Perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan daripada penjajahan kuasa asing
C2a	seperti Revolusi Amerika
H2a	Menentang penjajahan British terhadap Amerika.

Idea nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada **penentangan terhadap pemerintahan beraja**. Pemerintahan beraja menjadi **simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat**. Contoh **nasionalisme Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis menentang pemerintahan beraja**.

Selain itu, nasionalisme di Barat adalah **perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan** daripada penjajahan kuasa asing contohnya seperti **Revolusi Amerika menentang penjajahan British ke atas Amerika**.

d. Sebagai rakyat di sebuah negara yang merdeka, apakah usaha yang perlu anda lakukan bagi menghadapi cabaran yang mendatang bagi mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat?

F1 Sentiasa bersatupadu

F2 Memelihara keamanan

F3 wujudkan masyarakat yang sejahtera

F4 Bijaksana

F5 Berfikiran positif

F6 Menguasai pelbagai ilmu

F7 Cinta akan negara

F8 Sedia berkorban

Mana-mana jawapan yang munasabah

d. Sebagai rakyat di sebuah negara yang merdeka, apakah usaha yang perlu anda lakukan bagi menghadapi cabaran yang mendatang bagi mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat?

Usaha yang perlu kita lakukan ialah dengan hidup sentiasa bersatu padu. Perpaduan hidup masyarakat berbilang kaum akan dapat mewujudkan suasana aman dan harmoni serta melahirkan masyarakat yang sejahtera. Hal ini yang demikian kuasa asing tidak mempunyai ruang untuk mencampuri urusan negara kita kerana masyarakatnya hidup dalam suasana aman dan harmoni.

Selain itu kita mestilah bijaksana dan berfikiran positif dalam menangani isu-isu sensitive di dalam negara yang boleh menggugat kesejahteraan hidup bermasyarakat. Dengan menguasai pelbagai bidang ilmu kita dapat menangani pelbagai cabaran yang mendatang. Rumusan yang dapat dibuat, adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat yang cinta akan negara sedia berkorban apa sahaja demi kedaulatan negara yang tercinta agar dapat membina sebuah negara yang berdaulat.

Soalan 2 berdasarkan puisi berikut

Anak Merdeka

Wahai anak bangsa yang lahir dari rahim perjuangan!
Bangunlah dari mimpi ngerimu,
Jejakkan dirimu kepada semangat juang pertiwi.

Wahai anak bangsa yang lahir dari sifat seorang budiman!
Tegakkan dirimu dengan ilmu,
Kuatkan peribadimu dengan kebijaksanaan,
Agar sang penjajah tidak lagi bermaharajalela meracun minda dan akal fikirmu.

Wahai anak bangsa yang bertunas dari keperibadian yang tuntas!
Lihatlah robekan si penjajah,
Hasil tanah dari tangan bondamu dirampas,
Akalmu dikotori dengan lumpur fikiran yang dibawa,
Kuasa yang hilang diganti dengan janji manis yang tidak tertunai.

Wahai anak bangsa yang akan meneruskan obor perjuangan!
Jangan padamkan cahaya dan semangat juang yang telah dibina oleh nenek moyangmu,
Teruskanlah menjadi pewaris dan penjaga kepada negara yang indah nian ini,
Agar kemerdekaan yang dikecap terus kekal mekar.

(Karya Sayuti Yusuf)
Dewan Bahasa dan Pustaka

a. Apakah tema puisi "Anak Merdeka" ini?

2m

F1 nasib bangsa
F2` semangat perjuangan
F3 cinta akan tanah air
(mana-mana tema yang munasabah)

Tema puisi "Anak Merdeka" ialah tentang nasib bangsa. Selain itu, puisi ini juga bertemakan semangat perjuangan untuk mengekalkan kemerdekaan. Akhir sekali puisi ini bertemakan semangat cintakan akan tanah air

b. Apakah maksud rangkap puisi di bawah?

2m

Wahai anak bangsa yang lahir dari rahim perjuangan!
Bangunlah dari mimpi ngerimu, Jejakkan dirimu kepada semangat juang
pertiwi.

- F1 Bangkit berjuang
- F2 Jangan lalai
- F3 Terus membara membela nasib negara
- F4 Negara kekal merdeka

Maksud rangkap tersebut ialah menggerakkan anak bangsa yang berjiwa pejuang supaya bangkit berjuang dari kelalaian untuk terus membara membela nasib negara seperti yang diperjuangkan tokoh terdahulu supaya negara kekal merdeka.

c. Apakah tindakan penjajah yang menyebabkan rakyat peribumi tersisih? 2m

F1 bertindak bermaharajalela merosakkan fikiran rakyat

F2 Merampas hasil bumi

F3 Menguasai pentadbiran negara

Tindakan penjajah ialah bertindak bermaharajalela merosakkan fikiran rakyat sehingga rakyat lupa dan lalai. Selain itu, penjajah merampas hasil bumi menyebabkan rakyat tempatan berada dalam kemiskinan. Seterusnya mereka menguasai pentadbiran negara dan mengabaikan hak penduduk tempatan.

d. Pada pendapat anda, apakah nilai dan iktibar yang dapat diambil daripada puisi ini? 4m

F1 Semangat perjuangan

F2 Cintakan negara.

F3 Kesan penjajahan

F4 Berwaspada dengan tindak tanduk penjajah

F5 Menjaga negara agar kekal berdaulat

(Mana-mana nilai dan iktibar yang munasabah)

Nilai yang dapat diambil daripada puisi ini ialah semangat perjuangan untuk mempertahankan negara daripada dikuasai oleh kuasa asing. Selain itu, terdapat nilai cinta akan negara iaitu dengan menyeru anak bangsa supaya menguasai ilmu pengetahuan kerana dengan ilmu pengetahuan dapat menangkis serangan penjajah dalam apa bentuk sekalipun.

Selain itu, iktibarnya yang boleh diambil ialah dapat menyedarkan diri tentang kesan penjajahan kuasa asing dan mestilah berwaspada dengan tindak tanduk penjajah yang berusaha untuk menguasai ekonomi negara kita. Kesimpulannya setiap warga seharusnya berusaha untuk negara terus kekal berdaulat dengan mengambil pengajaran daripada sejarah penjajahan kuasa asing terhadap negara kita

SOALAN TAMBAHAN

Jelaskan tentang perkembangan idea nasionalisme di Barat.

F1	Berkembang hasil dari penentangan terhadap pemerintahan beraja
H1a	Simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat.
C1a	Contoh nasionalisme Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis.
F2	Perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan dari penjajahan kuasa asing
C2a	seperti Revolusi Amerika
H2a	Menentang penjajahan British terhadap Amerika.

Idea nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada **penentangan terhadap pemerintahan beraja**. Pemerintahan beraja menjadi **simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat**. Contoh nasionalisme **Revolusi Keagungan di England** dan **Revolusi Perancis menentang pemerintahan beraja di negara mereka**.

Selain itu, nasionalisme di Barat terdapat **perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan** daripada penjajahan kuasa asing contohnya seperti **Revolusi Amerika menentang penjajahan British ke atas Amerika**.

Huraikan faktor yang membawa kepada kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita

8m

- F1 Peranan Agama
- F2 Media cetak
- F3 Penulisan Kreatif
- F4 perkembangan sistem pendidikan
- F5 Kemunculan Golongan Intelektual
- F6 Pengaruh Luar dan Serantau

Faktor yang membawa kepada kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita ialah peranan agama. Para pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir terdedah dengan falsafah perjuangan Gerakan Islah di Mesir pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Sheikh Muhammad Abduh dan Rashid Rida. Gerakan Islah menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dengan berpandukan al-Quran dan Hadis. Gerakan ini juga muncul untuk menentang imperialisme Barat di negara Islam.

Selain itu, **faktor yang membawa kepada kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita ialah peranan Media cetak.** Media cetak seperti akhbar dan majalah berperanan sebagai penyalur maklumat dan penyebar berita. Antara akhbar awal termasuklah Jawi Peranakan yang menegur campur tangan British dalam soal agama Islam.

Selain itu, **faktor yang membawa kepada kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita ialah penulisan kreatif.** Hasil kesusasteraan seperti novel, cerpen dan puisi daripada tokoh nasionalis digunakan sebagai wadah untuk mengungkap keperitan hidup bangsa yang dijajah serta penderitaan rakyat.

Selain itu, **faktor yang membawa kepada kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita ialah perkembangan sistem Pendidikan.....**

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

**BAB 3:
KONFLIK DUNIA DAN
PENDUDUKAN
JEPUN DI NEGARA KITA**

BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1. Nasionalisme di negara kita sebelum perang dunia.
2. Latar belakang perang dunia.
3. Perkembangan Perang Dunia Kedua.
4. Perkembangan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.
5. Faktor kedatangan Jepun ke negara kita.
6. Dasar pendudukan Jepun di negara kita.
7. Perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun.
8. Perkembangan gerakan nasionalisme tempatan dan pendudukan Jepun.
9. Keadaan negara kita selepas kekalahan Jepun.

1. Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah termasuk empayar Uthmaniyah.

a. Apakah faktor yang membawa kepada tercetusnya Perang Dunia Pertama?

6 markah

b. Nyatakan Kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara-negara di Eropah dan di negara kita?

6 markah

c. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan berlakunya konflik antara Negara di peringkat antarabangsa?

8 markah

a. Apakah faktor yang membawa kepada tercetusnya Perang Dunia Pertama?

6 markah

F1 Persaingan Kuasa Imperialis

H1a Perkembangan Revolusi Industri berlaku persaingan kuasa imperialis di Eropah.

H1b Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan

H1c Bagi memperoleh bahan mentah

C1a Seperti arang batu, petroleum dan bijih timah

H1d Memasarkan hasil industri

F2 Pembentukan pakatan ketenteraan

C2a seperti pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga

H2a Menyebabkan ketidakstabilan politik

H2b Bersaing menghasilkan senjata moden

H2c Sedia berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing.

F3 Krisis Bantau Balkan

H3a Permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia.

H3b Menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary.

H3c Pembunuhan Archduke Ferdinand dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia.

H3d Menyebabkan Eropah terjerumus dalam kancah Perang Dunia Pertama.

a. Apakah faktor yang membawa kepada tercetusnya Perang Dunia Pertama?

F1	Persaingan Kuasa Imperialis
H1a	Perkembangan Revolusi Industri berlaku persaingan kuasa imperialis di Eropah.
H1b	Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan
H1c	Bagi memperoleh bahan mentah
C1a	Seperti arang batu, petroleum dan bijih timah
H1d	Memasarkan hasil industri

Faktor yang membawa kepada tercetusnya Perang Dunia Pertama ialah **Persaingan Kuasa Imperialis**. Persaingan ini disebabkan perkembangan **Revolusi Industri yang berlaku di Eropah**. Kuasa imperialis **bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan**. Ia bertujuan **memperoleh bahan mentah** contohnya seperti **arang batu, petroleum dan bijih timah**. Mereka juga bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan bagi **memasarkan hasil industri mereka**.

b. Nyatakan Kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara-negara di Eropah dan di negara kita? 6 markah

- F1 Keruntuhan Pemerintahan Beraja
 - H1a Menamatkan sistem pemerintahan beraja di Jerman, Austria-Hungary, Rusia dan empayar Uthmaniyah
 - H1b Empayar Austria-Hungary di bawah pemerintahan Dinasti Habsburg berakhir
 - H1c Revolusi di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja Tsar Nicholas II
 - H1d Kerajaan komunis pertama terbentuk di bawah pimpinan Vladimir Lenin.
 - H1e Khalifah empayar Uthmaniyah, Sultan Mehmed VI digulingkan
 - H1f Kerajaan Turki bercorak republik diketuai oleh Mustala Kemal Ataturk.
- F2 Kemunculan Negara Baru
 - H2a Keruntuhan empayar Austria-Hungary melahirkan negara baharu
 - C2a seperti Austria, Hungary, Czechoslovakia dan Yugoslavia
- F3 Perpecahan empayar Rusia membawa kepada penubuhan negara baharu
 - C3a seperti Poland, Estonia, Latvia dan Lithuania
- F4 Perpecahan empayar Uthmaniyah menyebabkan muncul negara baharu
 - C4a seperti Lebanon, Syria dan Iraq
- F4 Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang
 - H4a Menyokong dan memberikan taat setia kepada kerajaan British
 - H4b Bagi menyekat kebangkitan orang Melayu
 - H4c Meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera
 - H4d Kemakmuran ekonomi negeri Melayu juga dimanipulasi oleh British

- b. Nyatakan Kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara-negara di Eropah dan di negara kita? 4 markah

Kesan Perang Dunia Pertama di eropah ialah keruntuhan Pemerintahan Beraja. Ia telah menamatkan sistem pemerintahan beraja di Jerman, Austria-Hungary, Rusia dan empayar Uthmaniyah. Empayar Austria-Hungary di bawah pemerintahan Dinasti Habsburg berakhir manakala Revolusi di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja Tsar Nicholas II

Selain itu, kesan perang Dunia Pertama ialah kemunculan negara baru. Keruntuhan empayar Austria-Hungary melahirkan negara baharu seperti Austria, Hungary, Czechoslovakia dan Yugoslavia. Manakala perpecahan empayar Rusia membawa kepada penubuhan negara baharu seperti Poland, Estonia, Latvia dan Lithuania. Seterusnya perpecahan empayar Uthmaniyah menyebabkan muncul negara baharu seperti Lebanon, Syria dan Iraq.

Seterusnya, kesan perang Dunia Pertama ialah Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang dan memberikan sokongan dan memberikan taat setia kepada kerajaan British. Ia bertujuan bagi menyekat kebangkitan orang Melayu. Beritish telah meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera manakala kemakmuran ekonomi negeri Melayu juga dimanipulasi oleh British

c. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan berlakunya konflik antara Negara di peringkat antarabangsa?

8 markah

- F1 Mengelakkan persaingan senjata**
- F2 Menghormati kedaulatan Negara lain**
- F3 Mementingkan hak asasi manusia**
- F4 Mengukuhkan hubungan diplomatik**
- F5 Menganggotai pertubuhan gerakan antarabangsa yang berdaftar**
- F6 Menghukum pemimpin Negara yang mencetuskan konflik**
- F7 Menghapuskan diskriminasi**
- F8 Mengamalkan prinsip keadilan**
- F9 Mengutamakan setiakawan**
- F10 Bersama-sama menentang kezaliman**
- F11 Tidak menimbulkan sensitiviti keagamaan**
- F12 Mana-mana jawapan yang munasabah**

2. Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, manakala serangan terhadap Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941.

a. Apakah faktor kedatangan Jepun ke negara kita?

6 markah

- F1** **Eksplorasi Sumber Bahan Mentah**
 - H1a** **Untuk keperluan perindustrian**
 - H1b** **Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bahan mentah**
 - C1a** **bijih timah, getah, emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.**
 - F2** **Sasaran utama Jepun di Sarawak untuk mendapatkan sumber minyak**
 - C2a** **terutama di Miri dan Lutong.**
 - F3** **Sebahagian daripada rancangan menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya**
 - H3a** **Bagi mengukuhkan ekonomi Jepun.**
 - F4** **Kepentingan Strategik Ketenteraan**
 - H4a** **Kedudukan di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British.**
 - H4b** **Penguasaan pangkalan tentera laut penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera.**
 - H4c** **Penguasaan terhadap Pulau Borneo penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.**
-

Apakah faktor kedatangan Jepun ke negara kita?

Faktor kedatangan Jepun ke negara kita ialah **mengeksploitasi sumber bahan mentah** yang terdapat di negara kita **untuk keperluan perindustrian** di negara mereka. Ini kerana Tanah Melayu merupakan **pengeluar utama bahan mentah** contohnya **seperti bijih timah, getah, emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.**

Selain itu, sasaran utama Jepun di Sarawak adalah **untuk mendapatkan sumber minyak** terutamanya yang **terdapat di Miri dan Lutong.**

Seterusnya faktor kedatangan Jepun ke negara kita ialah merupakan sebahagian daripada **rancangan untuk menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya** bagi mengukuhkan ekonomi Jepun.

Di samping itu, ia merupakan sebahagian daripada **kepentingan strategik ketenteraan Jepun. Kedudukan di hujung Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British.** Penguasaan terhadap pangkalan tentera laut ini penting **untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera.**

Seterusnya, **penguasaan terhadap Pulau Borneo** pula penting untuk **menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa.**

b. Pada pendapat anda , mengapakah tentera Jepun dengan mudah menguasai negara kita? 6 markah

- F1 Perancangan Jepun yang teratur**
- H1a Menghantar pasukan menjalankan pengintipan**
- H1b Menubuhkan unit Perisikan Khas untuk mendapatkan maklumat kekuatan tentera British**
- F2 Penyebaran Dakyah anti-British**
- H2a Dalam kalangan askar-askar India**
- H2b Jepun berjanji untuk membebaskan India daripada penjajahan British.**
- F3 Jepun mempengaruhi golongan nasionalis radikal tempatan**
- C3a seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM)**
- F4 Kelengkapan Senjata Perang Jepun**
- H4a Tentera Jepun telah memperkuat serangannya dari segi laut, udara dan darat.**

b. Pada pendapat anda , mengapakah tentera Jepun dengan mudah menguasai negara kita?

Pada pendapat saya, tentera Jepun dengan mudah menguasai negara kita kerana **perancangan Jepun yang teratur**. Jepun **menghantar pasukan menjalankan pengintipan** terlebih dahulu di negara kita. Jepun telah **menubuhkan unit Perisikan Khas** untuk **mendapatkan maklumat kekuatan tentera British** sebelum menyerang negara kita kesannya dengan mudah dapat menguasai negara kita.

Selain itu, Jepun telah **menyebarkan Dakyah anti-British** terutama **dalam kalangan askar-askar India**. Jepun **berjanji untuk membebaskan India daripada penjajahan British**. Ini telah **mendorong askar India memberikan sokongan kepada Jepun**.

Seterusnya, Jepun **telah mempengaruhi golongan nasionalis radikal** tempatan seperti **Kesatuan Melayu Muda (KMM)** menyebabkan KMM menyokong perjuangan Jepun.

Alahir sekali, **kelengkapan Senjata Berapa Jepun** berbanding tentera British

c. Nyatakan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa pendudukan Jepun di negara kita. 8 markah

- F1 Berwaspada dengan kuasa asing
 - F2 Hidup Bersatu padu
 - F3 Mempertahankan kemerdekaan negara
 - F4 Hidup dalam suasana aman dan harmoni
 - F5 Saling hormat menghormati
 - F6 Sanggup mempertahankan kedaulatan negara
- Mana-mana jawapan yang munasabah

c. Nyatakan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa pendudukan Jepun di negara kita. 8 markah

- F1 Berwaspada dengan kuasa asing
- F2 Hidup Bersatu padu
- F3 Mempertahankan kemerdekaan negara
- F4 Hidup dalam suasana aman dan harmoni

Iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa pendudukan Jepun di negara kita ialah kita mesti **berwaspada dengan kuasa asing (F)**. Kuasa asing cuba untuk menguasai negara kita dengan pelbagai cara terutama untuk menguasai negara kita yang kaya dengan bahan mentah (H) contohnya seperti getah dan bijih timah. Kesimpulan yang boleh diambil, sikap berwaspada dan berhati-hati amat penting agar dapat mengelakkan kuasa asing sekali lagi menjajah negara kita

Selain itu kita juga mestilah **hidup bersatu padu (F)**. Perpaduan masyarakat berbilang kaum akan dapat menjamin suasana aman dan damai dalam negara (H). Hal ini yang demikian kuasa tidak mempunyai alasan persengketaan kaum untuk menguasai negara kita (Inferens). Seterusnya, secara tidak langsung kita akan dapat **mempertahankan kemerdekaan negara (F)**.

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

**BAB 4:
ERA PERALIHAN KUASA
BRITISH DI NEGARA
KITA**

BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

4.1 British Military Administration (BMA)

4.2 Gagasan Malayan Union

4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union

4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British

4.5 Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Penyerahan Sarawak

4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British

4.7 Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Penyerahan Sabah

1. Pentadbiran Malayan Union diperkenalkan oleh British bagi menggantikan pentadbiran Tentera British

a. Jelaskan ciri-ciri Malayan Union

4 markah

- F1 Semua Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu serta dua Negeri Selat, DISATUKAN.
- F2 SEORANG GABENOR BRITISH dilantik oleh Baginda Ratu England akan mengetuai Malayan Union.
- F3 MAJLIS EKSEKUTIF DAN MAJLIS UNDANGAN MALAYAN UNION dibentuk.
- F4 SINGAPURA DIASINGKAN kerana kepentingannya sebagai pelabuhan bebas.
- F5 Kewarganegaraan sama rata dengan PRINSIP *JUS SOLI* menjadi asas kerakyatan Malayan Union.
- F6 RAJA-RAJA MELAYU MENJADI AHLI MAJLIS RAJA-RAJA MELAYU yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
- F7 SEORANG PESURUHJAYA NEGERI dilantik bagi setiap negeri sebagai ketua pentadbir.

b. Mengapakah orang Melayu bangkit menentang Malayan Union?

4 markah

- F1 penjajahan secara mutlak oleh kerajaan British
- F2 Sultan Melayu kehilangan kedaulatan dan kuasa politik
- F3 Menjadi ahli Majlis Raja-Raja
- F4 Hanya membincangkan soal agama Islam/adat istiadat
- F5 Membantah cara MacMichael mendapatkan persetujuan Sultan
- F6 menggunakan ugutan dan paksaan
- F7 mengugut untuk tidak mengiktiraf Raja-raja Melayu yang enggan menurunkan tandatangan
- F8 menentang kewargegaraan secara Jus soli

b. Mengapakah orang Melayu bangkit menentang Malayan Union?

4 markah

- F1 Penjajahan secara mutlak oleh kerajaan British
- F2 Sultan Melayu kehilangan kedaulatan dan kuasa politik
- F3 Menjadi ahli Majlis Raja-Raja
- F4 Hanya membincangkan soal agama Islam/adat istiadat
- F5 Membantah cara MacMichael mendapatkan persetujuan Sultan
- F6 Menggunakan ugutan dan paksaan
- F7 Mengugut untuk tidak mengiktiraf Raja-raja Melayu yang enggan menurunkan tandatangan
- F8 Menentang kewarganegaraan prinsip Jus soli

Orang Melayu bangkit menentang Malayan Union kerana Malayan Union merupakan penjajahan secara mutlak oleh kerajaan British bukan berbentuk naungan sebelum perang dunia yang kedua. Dalam Malayan Union, Sultan Melayu kehilangan kedaulatan dan kuasa politik. Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja dan hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja.

Selain itu, orang Melayu bangkit menentang Malayan Union kerana membantah cara Mac Michael mendapatkan persetujuan Sultan. Mac Michael menggunakan ugutan dan paksaan terhadap raja-raja Melayu. British mengugut untuk tidak mengiktiraf Raja-raja Melayu yang enggan menurunkan tandatangan perjanjian Malayan Union.

Akhir sekali, orang Melayu bangkit menentang Malayan Union kerana menentang kewarganegaraan berasaskan prinsip Jus soli iaitu kewarganegaraan yang mudah

c. Bagaimanakah cara orang Melayu menentangan Malayan Union?

6 markah

F1 Menggunakan akhbar Melayu

C1a Akhbar Utusan Melayu, Majlis dan Warta Malaya

H1a menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak gagasan Malayan Union.

F2 Menghantar surat bantahan kepada Kerajaan British di London.

H2a Menyatakan bantahan terhadap Malayan Union

H2b Menyeru Raja-raja memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union

F3 Cendekiawan mengemukakan bantahan terhadap Malayan Union dengan pelbagai strategi

H3a Mereka telah menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union.

C3a seperti Dato' Onn Jaafar, Za'ba, Dato' Nik Ahmad Kamil dan Dato' Hamzah Abdullah

F4 Menggunakan persatuan Melayu

C4a seperti SABERKAS, Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor

H4a Telah menghimpunkan orang Melayu membantah Malayan Union.

H4b Menubuhkan atau mengaktifkan semula persatuan-persatuan Melayu.

H4c Bekerjasama dengan Sultan mengadakan bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor.

F5 Mengadakan Kongres Melayu

H5a Kongres Melayu pertama diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur.

H5b Kongres ini telah bersetuju menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union.

H5c Kongres Melayu Kedua diadakan di Istana Johor pada 11 Mei 1946

H5d UMNO ditubuhkan secara rasmi untuk memupuk perpaduan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu.

c. Bagaimanakah cara orang Melayu menentangan Malayan Union?

6 markah

Orang Melayu menzahirkan penentangan mereka terhadap Malayan dengan **menggunakan akhbar Melayu**. contohnya seperti akhbar Utusan Melayu, Majlis dan Warta Malaya. Akhbar ini menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak gagasan Malayan Union.

Selain itu, Orang Melayu menzahirkan penentangan mereka terhadap Malayan dengan **menghantar surat bantahan kepada Kerajaan British di London**. Mereka menyatakan bantahan terhadap Malayan Union dan menyeru Raja-raja memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union.

Seterusnya, Orang Melayu menzahirkan penentangan mereka terhadap Malayan dengan **cendekiawan mengemukakan bantahan terhadap Malayan Union dengan pelbagai strategi**. Mereka telah menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union. Contohnya seperti Dato' Onn Jaafar, Za'ba, Dato' Nik Ahmad Kamil dan Dato' Hamzah Abdullah

Disamping itu, Orang Melayu menzahirkan penentangan mereka terhadap Malayan dengan **menggunakan persatuan-persatuan Melayu** seperti SABERKAS, Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor. Persatuan-persatuan ini telah menghimpunkan orang Melayu membantah Malayan Union. Mereka juga menubuhkan atau mengaktifkan semula persatuan-persatuan Melayu. Persatuan-persatuan ini telah bekerjasama dengan Sultan mengadakan bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor.

Akhirnya, Orang Melayu menzahirkan penentangan mereka terhadap Malayan dengan **mengadakan Kongres Melayu**. Kongres Melayu pertama diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur. Dalam kongres ini telah bersetuju menubuhkan UMNO untuk

d. Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya Malayan Union dilaksanakan?

6 markah

- F1 Raja Berpelembagaan
- F2 Hak istimewa orang Melayu
- F3 Agama Islam
- F4 Bahasa Melayu
- F5 Kedudukan Raja-raja Melayu

d. Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya Malayan Union dilaksanakan?

6 markah

Sekiranya Malayan Union terus dilaksanakan besar kemungkinan sistem Raja Berpelembagaan tidak akan terpakai kerana sistem Republik kemungkinan dipekenalkan seperti yang berlaku di Singapura dan Indonesia.

Selain itu, masyarakat Melayu atau Bumiputera lainnya tidak akan dapat mengecapi keistimewaan sebagai penduduk asal negara ini kerana kerakyatan jus soli yang diberikan kepada masyarakat pendatang pada ketika itu akan dilaksanakan.

Seterusnya, besar kemungkinan Islam bukanlah agama yang diangkat sebagai agama Persekutuan dan bahasa Melayu tidak akan diangkat sebagai bahasa kebangsaan negara. Tambahan pula, Raja-Raja Melayu akan hilang kedaulatan dan terpinggir seperti yang berlaku di Indonesia dan India. Rumusan yang dapat dibuat, semuanya akan berubah sekiranya Malayan Union dilaksanakan. Oleh itu menjadi keperluan kepada seluruh rakyat Malaysia menghargai kemerdekaan yang dikecapi dan memelihara keamanan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Kita juga seharusnya bersyukur kerana perjuangan tokoh terdahulu Berjaya menghapuskan Malayan Union

2. Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada 1 Julai 1946.

a. Mengapakah Charles Vyner Brooke berbuat demikian?

F1 Masalah perwarisan tahta

F2 Desakan kerajaan British

F3 Masalah kewangan

Charles Vyner Brooke berbuat demikian kerana masalah perwarisan tahta. Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikan tempatnya sebagai raja, sedangkan beliau semakin tua dan uzur. Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke (anak Bertram Brooke) untuk menggantikannya.

Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British untuk meluaskan penguasaannya di Sarawak. Dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya, British dapat menguasai kekayaan ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri itu.

Seterusnya, V Charles Vyner Brooke berbuat demikian kerana menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua. Ekonomi Sarawak terjejas, lombong minyak musnah dan ladang getah juga terbiar. Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang juga perlu dibaiki. Vyner Brooke tidak mampu untuk membangunkan negeri Sarawak semula.

b. Mengapakah rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut?

[3 markah]

- F1 Bercanggah dengan Perlembagaan 1941
- H1a Vyner Brooke berjanji akan memberikan kerajaan sendiri kepada Sarawak
- H1b Penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka
- H1c Penyerahan Sarawak menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri.
- F2 Vyner Brooke mengetepikan Surat Wasiat Charles Brooke
- H2a Membuat keputusan tanpa berbincang dengan Anthony Brooke dan Bertram Brooke
- H2b Mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya mudah menuntut kemerdekaan.
- F3 Gerard T. MacBryan menggunakan pelbagai muslihat
- C3a seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.

b. Mengapakah rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut?

[3 markah]

Rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut kerana **bercanggah dengan Perlembagaan 1941**. Dalam perjanjian ini, Vyner Brooke berjanji akan **memberikan kerajaan sendiri** kepada Sarawak. Penduduk Sarawak akan **dibimbing untuk mentadbir negeri** mereka. Penyerahan Sarawak, **menafikan hak rakyat Sarawak untuk mendapatkan pemerintahan sendiri**.

Vyner Brooke **mengetepikan Surat Wasiat Charles Brooke**. Vyner Brooke membuat **keputusan tanpa berbincang** dengan Anthony Brooke dan Bertram Brooke. Golongan penentang mahu **memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke** supaya mudah menuntut kemerdekaan.

Gerard T. MacBryan **menggunakan pelbagai muslihat** seperti tekanan, **desakan, pujukan dan sogokkan** untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.

c. Rakyat Sarawak menentang penyerahan negeri mereka kepada British adalah wajar.
Berikan ulasan anda.

[4 markah]

F1 Memastikan janji dalam Perlembagaan 1941 ditunaikan

F2 Rasa tertipu dengan muslihat penjajah

F3 Demi menjaga maruah dan kedaulatan negeri

F4 Keinginan untuk merdeka/bebas dari penjajahan

Inf Mengelakkan kekayaan dan hasil bumi diambil oleh penjajah

Penentangan rakyat Sarawak terhadap penyerahan negeri mereka kepada British adalah **wajar**. Ini adalah kerana bagi memastikan **janji dalam Perlembagaan 1941 ditunaikan**. Ia juga wajar kerana mereka **merasakan tertipu dengan muslihat penjajah** kerana kegagalan menapati janji seolah-olah mempermainkan rakyat tempatan. Oleh itu, adalah wajar penentangan ini dilakukan **demi menjaga maruah dan kedaulatan** negeri ditambah lagi dengan **keinginan untuk merdeka dan bebas dari penjajahan** kuasa asing. Kesimpulannya, kejayaan membebaskan negara daripada penjajahan akan dapat **mengelakkan kekayaan dan hasil bumi diambil dan dikuasai oleh penjajah**

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

1. Latar belakang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
2. Faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
3. Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.
4. Kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

1. **Gambar berikut menunjukkan peristiwa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.**



- a. **Terangkan faktor British bersetuju menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948**

8 markah

- F1** Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union .
 - H1a** Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO telah berganding bahu membantah pelaksanaan Malayan Union.
 - H1b** Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.
 - F2** Ahli Parlimen British, iaitu Gammans dan Rees Williams telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.
 - H2a** Mereka melaporkan hasil tinjauan tersebut kepada parlimen British selepas kembali ke
 - H2b** England.
Gammans menyatakan bahawa sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union
 - F3** keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu.
 - H3a** Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
 - H3b** Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan.
 - H3c** Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.
 - H3d** Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor.
 - H3e** Raja berkuasa dalam perundangan.
 - F4** Perkataan "Negeri-negeri Melayu" perlu muncul dalam persekutuan yang baharu
 - Sokongan Pentadbir British**
 - H4a** Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi.
 - C4a** Antaranya Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone
-

Terangkan faktor British bersetuju menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948

Faktor British bersetuju menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union. Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO telah berganding bahu membantah pelaksanaan Malayan Union. Orang Melayu menentang Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

Selain itu, faktor British bersetuju menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 sokongan ahli Parlimen British, iaitu Gammans dan Rees Williams. Mereka telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union. Mereka melaporkan hasil tinjauan tersebut kepada parlimen British selepas kembali ke England. Gammans menyatakan bahawa sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu.

b. Jelaskan cadangan yang dikemukakan oleh Raja-raja Melayu semasa pertemuan dengan Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral dan Sir Edward Gent di Kuala Kangsar. 4 markah

- F1 Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan.
- F2 Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.
- F3 Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor.
- F4 Raja berkuasa dalam perundangan.
- F5 Perkataan “Negeri-negeri Melayu” perlu ada dalam persekutuan yang baharu.

Cadangan yang dikemukakan oleh Raja-raja Melayu ialah penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan. Selain itu, Raja-raja mencadangkan satu perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.

Mereka mencadangkan jawatan Pesuruhjaya Tinggi dibentuk bagi menggantikan jawatan Gabenor. Mereka mencadangkan Raja-raja berkuasa dalam perundangan. Akhir sekali mencadangkan perkataan “Negeri-negeri Melayu” perlu ada dalam persekutuan yang baharu

C. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia? 8 markah

- F2 Perkongsian kuasa antara Majlis Raja-Raja Melayu dengan Pesuruhjaya Tinggi British pada peringkat pusat
- F3 Bidang kuasa dan kedudukan Raja-Raja Melayu dipulihkan
- F4 Pada peringkat negeri, Sultan menjadi ketua negeri dan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai Ketua Pentadbir Negeri.
- F5 Mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri
- F6 Terbentuk Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri
- F7 Syarat kerakyatan diperketatkan
- F8 British mengiktiraf semula ketuanan Melayu sebagai asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu
- F9 Institusi Raja Melayu dikekalkan dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentadbiran.
- F10 Setiap negeri Melayu mengadakan perjanjian dan perlembagaan bertulis dengan British dikenali sebagai Undang-Undang Tubuh Negeri
- F11 Penerusan dasar perlindungan British terhadap kedudukan istimewa orang Melayu
- F12 Status quo negeri-negeri Melayu dilindungi
- F13 Agama Islam dan adat istiadat Melayu teras ketuanan bangsa Melayu
- F14 Prinsip yang dicadangkan oleh UMNO dan raja-raja Melayu menjadi undang-undang bertulis
- F15 Perkara ini menjadi asas kepada Kontrak Sosial antara British dengan raja-raja Melayu dan orang Melayu.

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia? 8 markah

Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting kerana menjadi asas pentadbiran Negara. PTM merupakan perkongsian kuasa antara Majlis Raja-Raja Melayu dengan Pesuruhjaya Tinggi British pada peringkat pusat. Secara tidak langsung, bidang kuasa dan kedudukan Raja-Raja Melayu telah dipulihkan. Manakala diperingkat negeri, Sultan menjadi ketua negeri dan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai Ketua Pentadbir Negeri.

Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting kerana mengasaskan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dengan terbentuk Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.

Selain itu, Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting kerana syarat kerakyatan diperketatkan dan British mengiktiraf semula ketuanan Melayu sebagai asas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Ini kerana Institusi Raja Melayu dikekalkan dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentadbiran.

Seterusnya, Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting kerana setiap negeri Melayu mengadakan perjanjian dan perlembagaan bertulis dengan British dikenali sebagai Undang-Undang Tubuh Negeri. British juga meneruskan dasar perlindungan terhadap kedudukan istimewa orang Melayu. Secara tidak langsung status quo negeri-negeri Melayu dilindungi.

Dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948, Agama Islam dan adat istiadat Melayu menjadi teras ketuanan bangsa Melayu manakala prinsip yang dicadangkan oleh UMNO dan raja-raja Melayu menjadi undang-undang bertulis.

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT

1. Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita
2. Ancaman Komunis di Negara Kita
3. Usaha Menangani Ancaman Komunis
4. Kesan Zaman Darurat terhadap Negara Kita

1. Perang saraf ialah rancangan yang dilaksanakan oleh British untuk menghapuskan komunis melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat.

a. Bagaimanakah cara Gerald Templer (Pesuruhjaya Tinggi British) bertindak untuk memenangi hati dan fikiran penduduk Persekutuan Tanah Melayu

6 markah

F1 Mengadakan Lawatan

F2 Melonggarkan Syarat Kewarganegaraan

F3 Mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur

F4 Menawarkan Hadiah Wang Tunai

F5 Memenangi Kepercayaan Orang Asli

F6 Memajukan Perkhidmatan Penerangan

F7 Memperkenalkan Kawasan Hitam dan Kawasan Putih

- F1 Mengadakan Lawatan**
- H1a Melakukan sebanyak 122 lawatan**
- C1a ke sekolah, kampung, hospital, pondok polis, unit pasukan keselamatan**
- H1b Setiap lawatan mengambil masa dua hari hingga tiga hari.**
- F2 Melonggarkan Syarat Kewarganegaraan**
- H2a Bagi menarik kaum bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu.**
- H2b Bertujuan mewujudkan bangsa yang bersatu.**
- H2c September 1952, seramai lebih kurang 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India layak menjadi warganegara.**
- F3 Mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur**
- H3a bertujuan menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik dan mendapatkan sokongan untuk menentang komunis**
- F4 Menawarkan Hadiah Wang Tunai**
- H4a Penduduk yang dapat menangkap atau memberikan maklumat tentang gerila komunis.**
- F5 Memenangi Kepercayaan Orang Asli**
- H5a Supaya mereka menyokong kerajaan menghapuskan komunis.**
- H5b Beliau mendirikan 14 kubu menyediakan kemudahan barangan keperluan harian, perubatan, pendidikan dan perlindungan.**
- F6 Memajukan Perkhidmatan Penerangan**
- H6a Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Malaya untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat agar menyokong kerajaan membanteras komunis.**
- F7 Memperkenalkan Kawasan Hitam dan Kawasan Putih**
- H7a Kawasan hitam ialah kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung.**
- H7b Kawasan putih ialah kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis.**

Gerald Templer bertindak untuk memenangi hati dan fikiran penduduk Persekutuan Tanah Melayu dengan **mengadakan Lawatan**. Tujuan beliau mendampingi rakyat adalah untuk mengetahui masalah dan pandangan mereka. Beliau melakukan sebanyak 122 lawatan ke sekolah, kampung, hospital, dispensari, bilik operasi' pondok polis, unit pasukan keselamatan, buruh. lombong. estet dan bersedia menerima perwakilan. Setiap lawatan mengambil masa dua hari hingga tiga hari.

Selain itu, Gerald Templer bertindak **melonggarkan Syarat Kewarganegaraan**. Ini bertujuan bagi menarik kaum bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu dan mewujudkan bangsa yang bersatu. September 1952, seramai lebih kurang 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India layak menjadi warganegara.

Seterusnya, Gerald Templer **mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur**. Ini bertujuan menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik dan mendapatkan sokongan mereka untuk menentang komunis.

Seterusnya, Gerald Templer **menawarkan Hadiah Wang Tunai** kepada penduduk yang dapat menangkap atau memberikan maklumat tentang gerila komunis.

Gerald Templer juga berusaha **memenangi kepercayaan Orang Asli** supaya mereka menyokong kerajaan menghapuskan komunis. Beliau mendirikan 14 kubu menyediakan kemudahan barangan keperluan harian, perubatan, pendidikan dan perlindungan kepada orang Asli.

Selain itu, Gerald Templer **memajukan perkhidmatan penerangan**. Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Malaya dijadikan medium untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat agar menyokong kerajaan membanteras komunis.

Akhir sekali, beliau telah **memperkenalkan Kawasan Hitam dan Kawasan Putih**. Kawasan hitam ialah kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung manakala Kawasan putih ialah kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis.

b. Zaman darurat menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan kepada rakyat. Jelaskan **6 markah**

- F1 Kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis**
- H1a Kegiatan ekonomi negara terjejas.**
- H1b Pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan.**
- F2 Harga barang makanan dan keperluan harian melambung tinggi.**
- H2a Peniaga, pekedai, pengusaha kebun, peladang dan pelombong mengalami kesukaran**
- H2b Mereka merupakan sasaran peras ugut komunis bagi mendapatkan wang dan bekalan makanan.**
- H2d Kegagalan memenuhi tuntutan komunis menyebabkan kemusnahan pada lombong, ladang dan kedai serta mengancam nyawa.**
- F3 Rakyat menghadapi kesukaran bergerak dan memperoleh bekalan keperluan**
- H3a Terpaksa mematuhi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan.**
- H3b Rakyat tidak dapat menjalankan kegiatan harian.**
- F4 Ramai pekebun dan pekerja lombong tidak dapat bekerja**
- H4a Perintah berkurung dikenakan kepada mereka.**
- H4b Catuan bekalan makanan dikenakan oleh kerajaan**
- H4c Rakyat bergantung kepada makanan seperti ubi kayu, keledak dan jagung**

Zaman darurat menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan kepada rakyat

kerana kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis. Hal ini menyebabkan kegiatan ekonomi negara terjejas. Di samping itu, pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan.

disebabkan harga barang makanan dan keperluan harian melambung tinggi. Peniaga, pekedai, pengusaha kebun, peladang dan pelombong mengalami kesukaran. Mereka merupakan sasaran peras ugut komunis bagi mendapatkan wang dan bekalan makanan. Kegagalan mereka memenuhi tuntutan komunis menyebabkan kemusnahan pada lombong, ladang dan kedai serta mengancam nyawa.

kerana rakyat menghadapi kesukaran bergerak dan memperoleh bekalan keperluan. Mereka terpaksa mematuhi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan. Rakyat juga tidak dapat menjalankan kegiatan harian selesa.

Ramai pekebun dan pekerja lombong tidak dapat bekerja ini disebabkan perintah berkurang dikenakan kepada mereka. Mereka juga dikenakan catuan bekalan makanan dikenakan oleh kerajaan. Impak daripada tindakan kerajaan ini, rakyat bergantung kepada makanan seperti ubi kayu, keledak dan jagung

c. Pada pandangan anda, mengapakah zaman darurat membantutkan perkembangan ekonomi negara? 6 markah

F1 Meningkatkan kos perbelanjaan pihak British

H1a Anggaran purata kos darurat ialah sebanyak \$250 ribu hingga \$300 ribu sehari.

H1b Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih \$10 juta sebulan atau \$120 juta setahun

H1c Digunakan untuk membanteras ancaman komunis.

C1a Contohnya menampung perbelanjaan membeli senjata

F2 Kerajaan membelanjakan kos yang besar untuk menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk di pinggir hutan.

H2a Penduduk pinggir hutan dipindahkan ke kawasan Kampong Baru

H2b Dari tahun 1950 hingga tahun 1953, perbelanjaan kerajaan dianggarkan lebih \$7 juta untuk pembangunan di Kampong Baru.

F3 Hasil eksport bahan mentah negara merosot

C3a Contohnya getah dan bijih timah

H3a Tindakan komunis menyerang kawasan lombong

H3b Mengganggu dan menakut-nakutkan penoreh getah

H3c Hasil pengeluaran merosot

mana-mana jawapan yang munasabah

Pada zaman darurat membantutkan perkembangan ekonomi negara

kerana telah meningkatkan kos perbelanjaan pihak British terutama yang terlibat pasukan keselamatan. Anggaran purata kos darurat ialah sebanyak \$250 ribu hingga \$300 ribu sehari semasa darurat. Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih \$10 juta sebulan atau \$120 juta setahun digunakan untuk membanteras ancaman komunis. Contohnya seperti menampung perbelanjaan membeli senjata untuk menghadapi ancaman komunis. Impak daripada ini telah menyebabkan usaha untuk membangunkan negara terbantut dan terjejas.

Di samping itu, kerajaan membelanjakan kos yang besar untuk menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk di pinggir hutan. Penduduk pinggir hutan dipindahkan ke kawasan Kampong Baru untuk memastikan mereka terselamat daripada ancaman komunis serta mengelakkan mereka memberi bantuan kepada komunis. Dari tahun 1950 hingga tahun 1953, perbelanjaan kerajaan dianggarkan lebih \$7 juta untuk pembangunan di Kampong Baru.

Pada zaman darurat membantutkan perkembangan ekonomi negara

kerana hasil eksport bahan mentah negara merosot dan secara tidak langsung membantutkan perkembangan ekonomi. Contohnya hasil pengeluaran getah dan bijih timah merosot kerana tindakan komunis menyerang kawasan lombong, mengganggu dan menakutkan penoreh getah. Hasil tindakan ganas komunis telah memberi impak buruk bukan sahaja dari sudut keselamatan, malahan in telah menjejaskan pembangunan ekonomi negara kita pada waktu itu. Hal ini yang demikian sewajarnya kita sebagai warganegara yang cintakan keamanan memasti keselamatan dan kedaulatan negara terus terpelihara.

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

**BAB 7:
USAHA KE ARAH
KEMERDEKAAN**

BAB 7: USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

1. Latar Belakang Idea Negara Merdeka
2. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
3. Sistem Ahli
4. Sistem Pendidikan Kebangsaan
5. Penubuhan Parti Politik

1. Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955, iaitu sebelum pilihan raya MPP diadakan pada bulan Julai 1955
 - a. Jelaskan ciri Sistem Ahli yang diperkenalkan oleh British
4 markah
 - b. Apakah kepentingan Sistem Ahli Ke arah kemerdekaan?
4 markah
 - c.i Pada pandangan anda, mengapakah pelaksanaan Sistem Ahli dapat memupuk perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu?
6 markah
 - c.ii Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kebaikan yang boleh dinikmati oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu melalui pelaksanaan Sistem Ahli?
6 markah

1. Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955, iaitu sebelum pilihan raya MPP diadakan pada bulan Julai 1955
 - a. Jelaskan ciri Sistem Ahli yang diperkenalkan oleh British

4 markah

- F1 Ahli bertaraf "Menteri" dan bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan
- F2 Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.
- F3 Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP
- F4 Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi.
- F5 Satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat

a. Jelaskan ciri Sistem Ahli yang diperkenalkan oleh British

4 markah

Ciri Sistem Ahli yang diperkenalkan oleh British ialah Ahli bertaraf "Menteri" dan bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan. **Ahli bertaraf "Menteri"**

Ciri yang kedua ialah Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan daripada Majlis Raja-Raja Melayu. **dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi**

Ciri yang ketiga, Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan. **mencadangkan undang-undang**

Dalam Sistem Ahli, Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British. **Di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi**

Sistem Ahli adalah satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat bagi menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan kearah berkerajaan sendiri. **kabinet bayangan**

melatih orang tempatan kearah berkerajaan sendiri

b. Apakah kepentingan Sistem Ahli Ke arah kemerdekaan?

4 markah

- F1 Menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.
- F2 Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan.
- F3 Merupakan proses memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum
- F4 Menentukan kemerdekaan yang diperolehi mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu

b. Apakah kepentingan Sistem Ahli Ke arah kemerdekaan?

4 markah

melatih ke arah berkerajaan sendiri

Kepentingan Sistem Ahli Ke arah kemerdekaan ialah menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.

belajar mentadbir dan menerajui

Selain itu ia penting kerana memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan.

memupuk perpaduan

Seterusnya, sistem Ahli penting dalam proses memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum

sokongan seluruh penduduk

Kepentingan Sistem Ahli Ke arah kemerdekaan kerana ia menentukan kemerdekaan yang diperolehi mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

b. Pada pandangan anda, apakah kepentingan Sistem Ahli Ke arah kemerdekaan?

4 markah

Kalau soalan Kbat

Kepentingan Sistem Ahli Ke arah kemerdekaan ialah menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. **Impaknya apabila mencapai kemerdekaan mereka telah terbiasa menjalankan urusan pentadbiran kerajaan dan menjadikan urusan kerajaan berjalan dengan lancar dan sistematik.**

Selain itu ia penting kerana memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir dan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan. **Apabila mencapai kemerdekaan mereka dapat mentadbir dengan cekap sekaligus**

Seterusnya, sistem Ahli penting dalam proses memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum seperti Melayu India dan China. Hal ini yang demikian, **memudahkan urusan untuk mendapat kemerdekaan daripada British kerana wujud suasana aman dan harmoni serta mendapat sokongan padu daripada masyarakat berbilang kaum**

c.i Pada pandangan anda, mengapakah pelaksanaan Sistem Ahli dapat memupuk perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu ?

6 markah

F1 Melatih penduduk tempatan menerajui pemerintahan Tanah Melayu.

F2 Ahli yang dilantik terdiri daripada pelbagai kaum.

F3 Semua kaum dapat berbincang untuk membuat keputusan terbaik dalam pentadbiran.

F4 Pelaksanaan Sistem Ahli dipantau oleh Bri-tish.

F5 Pentadbiran Sistem Ahli berasaskan prinsip pakatan murni.

F6 Setiap kaum menghormati kaum lain dalam melaksanakan pentadbiran

F7 Sistem Ahli bertujuan untuk mensejahterakan semua kaum.

F8 Sistem Ahli menjaga kebajikan semua kaum.

Mana-mana jawapan yang munasabah

c.i Pada pandangan anda, mengapakah pelaksanaan Sistem Ahli dapat memupuk perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu? 6 markah

Pelaksanaan Sistem Ahli dapat memupuk perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu kerana **melatih penduduk tempatan menerajui pemerintahan Tanah Melayu (F)**. Ini adalah kerana Ahli yang dilantik mewakili masyarakat berbilang kaum (H). Secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan semasa menjalankan tugas pentadbiran (H). Implikasinya, hubungan antara kaum akan menjadi semakin erat dan seterusnya akan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu (Inferens). Contohnya, Dato'Onn Jaafar, Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri, E.E.C. Thuraisingham, Ahli Pelajaran dan Lee Tiang Keng, Ahli Kesihatan (C).

c.ii Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kebaikan yang boleh dinikmati oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu melalui pelaksanaan Sistem Ahli?

6 markah

- F1 Mendapat latihan untuk mentadbir Tanah Melayu.
- F2 Dapat menerajui sendiri pemerintahan Tanah Melayu.
- F3 Dapat mewujudkan perpaduan kaum.
- F4 Dapat menyelesaikan masalah tuntutan kaum berasaskan prinsip pakatan murni.
- F5 Meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di Tanah Melayu.
- F6 Dapat membuat persediaan ke arah mencapai kemerdekaan.
- F7 Mendapat bimbingan daripada British dalam urusan pentadbiran
- F8 Dapat mempraktikkan amalan bertolak ansur dalam melaksanakan pentadbiran.

Mana-mana jawapan yang munasabah

c.ii Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kebaikan yang boleh dinikmati oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu melalui pelaksanaan Sistem Ahli?

6 markah

Kebaikan yang boleh dinikmati oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu melalui pelaksanaan Sistem Ahli ialah **mendapat latihan untuk mentadbir Tanah Melayu**. Dengan pengalaman mentadbir membolehkan urusan pentadbiran negara akan berjalan dengan lancar dan cekap apabila negara mencapai kemerdekaan.

Apa yang penting kebaikan yang boleh dinikmati oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu ialah dapat **menerajui sendiri pemerintahan** Tanah Melayu. Memerintah negara sendiri adalah merupakan harapan dan cita-cita setiap warganegara.

Seterusnya, kebaikan yang boleh dinikmati oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu melalui pelaksanaan Sistem Ahli ialah **dapat mewujudkan perpaduan kaum**. Hal ini yang demikian kerana, ahli yang dilantik mewakili setiap kaum di Tanah Melayu. Oleh itu, apabila kita mencapai kemerdekaan akan mewujudkan semangat persefahaman yang utuh dalam kalangan warganegara dan akan sanggup mempertahankan kemerdekaan negara daripada ancaman musuh negara.

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

BAB 8: PILIHAN RAYA

BAB 8: PILIHAN RAYA

1. Perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.
2. Proses Pilihan Raya Umum pertama.
3. Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.
4. Peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

1. Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.

a. Senaraikan pilihan raya Perbandaran yang diadakan di Persekutuan Tanah Melayu

- i. Pilihan Raya Perbandaran George Town
Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur
- ii. Pilihan Raya Perbandaran Alor Setar
Pilihan Raya Perbandaran Ipoh
Pilihan Raya Perbandaran Melaka
Pilihan Raya Perbandaran Seremban

m/s 197

3 markah

b. Nyatakan parti yang terlibat dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town pada tahun 1951

- i. F1 Parti Radikal
F2 Parti Buruh
- ii. F3 UMNO
F4 Bebas

m/s 197

3 markah

c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan pilihan raya dalam sesebuah negara?

- F1 Menjamin kestabilan politik/pentadbiran negara
- F2 Rakyat terlibat dalam pembentukan kerajaan
- F3 Rakyat berhak dan bebas memilih pemimpin yang berwibawa
- F4 Memilih pemimpin yang adil
- F5 Menentukan bentuk kerajaan
- F6 Menjamin kerajaan yang cekap
(Mana-mana jawapan munasabah)

Kbat

Kepentingan pilihan raya dalam sesebuah negara ialah dapat **menjamin kestabilan politik dan pentadbiran negara**. Ini adalah kerana rakyat terlibat dalam pembentukan kerajaan. Oleh itu rakyat berhak dan bebas memilih pemimpin yang dirasakan berwibawa dan berkemampuan untuk mentadbir negara.

Selain itu, kepentingan pilihan raya dalam sesebuah negara ialah ia dapat **memilih pemimpin yang adil. Pemimpin yang adil akan dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat di samping menikmati kesejahteraan hidup Bersama tanpa mengira kaum, agama dan kepercayaan**

seterusnya,

1. **Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950 yang memberikan kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.**
 - a. **Nyatakan tentang sejarah pilihan raya majlis bandaran di negara kita.**

6 markah
 - b. **Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat untuk menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia?**

6 markah
 - c. **Sekiranya anda sebagai pengundi, apakah ciri-ciri calon yang menjadi pilihan anda dalam pilihan raya?**

8 markah

1. **Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950 yang memberikan kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.**
 - a. **Nyatakan tentang sejarah pilihan raya majlis bandaran di negara kita.**

6 markah

- F1 Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950
- F2 Memberi kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya
- F3 Pilihan raya majlis perbandaran yang pertama diadakan di George Town, Pulau Pinang pada tahun 1951
- F4 Pilihan Raya Perbandaran George Town diadakan untuk memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town
- F5 Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur diadakan pada Februari 1952.
- F6 Pilihan raya ini diadakan untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bagi kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya
- F7 Pilihan raya majlis perbandaran seterusnya diadakan pada peringkat bandar Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Melaka dan Seremban

1. **Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950 yang memberikan kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.**
 - a. **Nyatakan tentang sejarah pilihan raya majlis bandaran di negara kita.**

4 markah

Sejarah pilihan raya majlis bandaran di negara kita bermula apabila Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950. Ordinan ini memberi kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.

Pilihan raya majlis perbandaran yang pertama diadakan di George Town, Pulau Pinang pada tahun 1951. Pilihan Raya Perbandaran George Town diadakan untuk memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town.

Seterusnya diikuti dengan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada Februari 1952. Pilihan raya ini diadakan untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bagi kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya.

Pilihan raya majlis perbandaran seterusnya diadakan pada peringkat bandar Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Melaka dan Seremban

b. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat untuk menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia?

6 markah

F1 warganegara Malaysia

F2 Berumur 21 tahun

F3 Bermastautin di Malaysia

F4 Sempurna akal

F5 Bukan orang yang muflis

F6 Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam

F7 Tidak disabitkan dengan kesalahan oleh mahkamah

F8 Calon boleh bertanding atas nama parti individu sebagai calon bebas

F9 Mereka harus mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon.

b. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat untuk menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia?

6 markah

Syarat yang perlu dipenuhi bagi seseorang yang berhasrat untuk menjadi calon dalam pilihan raya di Malaysia mestilah warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun.

Seterusnya, seseorang yang berhasrat untuk menjadi calon dalam pilihan raya mestilah bermastautin di Malaysia. Mereka mesti sempurna akal dan tidak gila. Seseorang yang berhasrat untuk menjadi calon dalam pilihan raya juga mestialah bukan orang yang muflis.

Untuk menjadi calon dalam pilihan raya tidak boleh memegang jawatan dalam perkhidmatan awam. Selain itu, tidak disabitkan dengan kesalahan oleh mahkamah iaitu didenda melebihi RM2,000 atau dipenjara tidak kurang satu tahun. Sabitan kesalahan di mahkamah menyebabkan seseorang kehilangan kelayakan untuk menjadi calon.

Selain itu, calon boleh bertanding atas nama parti atau bertanding sebagai calon bebas. Mereka harus mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon Bersama seorang pencadang dan seorang penyokong Bersama wang pertaruhan (deposit).

c. Sekiranya anda sebagai pengundi, apakah ciri-ciri calon yang menjadi pilihan anda dalam pilihan raya?

8 markah

- F1 Ketokohan calon
 - F2 Akhlak calon
 - F3 Sifat amanah
 - F4 Latar belakang akademik yang baik
 - F5 Mengutamakan kebajikan rakyat
 - F6 Telus dalam melaksana pentadbiran
 - F7 Mendengar pandangan rakyat bawahan
- Mana-mana jawapan yang munasabah

- c. Sekiranya anda sebagai pengundi, apakah ciri-ciri calon yang menjadi pilihan anda dalam pilihan raya? 8 markah**

Ciri-ciri calon yang menjadi pilihan saya dalam pilihan raya ialah ketokohan calon. Seorang calon yang hebat dan berkeupayaan untuk mentadbir boleh membantu memajukan negara.

Akhlak calon juga menjadi ciri calon yang menjadi pilihan saya. Calon yang berakhlak mulia boleh menjiwai kepayahan dan penderitaan dan membantu rakyat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Seterusnya, sifat amanah sangat penting kerana membolehkan melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin dengan baik. Sifat amanah akan menjadi pembimbing kepada mereka untuk melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.

Seterusnya, latar belakang akademik yang baik menjadi kriteria untuk menjadi seorang pemimpin yang hebat. Oleh itu, ciri ini perlu ada kepada pemimpin untuk mentadbir negara.

Seterusnya, ciri calon yang menjadi pilihan saya dalam pilihan raya ialah yang mengutamakan kebajikan rakyat melebihi diri dan keluarga mereka. Mereka akan menyelesaikan kepayahan rakyat berusaha sedaya upaya untuk menjaga kebajikan rakyat dan mendengar pandangan serta rintihan rakyat bawahan.

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

**BAB 9:
PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN
TANAH MELAYU 1957**

BAB 9: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

1. Usaha rundingan kemerdekaan.
2. Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
3. Langkah penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
4. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

3. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka

a. Senaraikan isi kandungan draf tersebut

m/s 222

4 markah

b. Nyatakan reaksi masyarakat terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

m/s 223

8 markah

c. Pada pandangan anda, bagaimanakah semangat nasionalisme boleh terus dipupuk dalam kalangan generasi muda kita hari ini?

Kbat

8 markah

- 3. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka**
- a. Senaraikan isi kandungan draf tersebut**

- F1 Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu.
- F2 Sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu.
- F3 Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan.
- F4 Raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu.
- F5 Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk.

a. Senaraikan isi kandungan draf tersebut

4 markah

Isi kandungan yang pertama draf tersebut ialah meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu.

Draf kedua, sistem kewarganegaraan berasaskan jus soli kepada semua yang lahir di Tanah Melayu. Draf ketiga ialah kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan.

Seterusnya, raja-raja diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan dengan seorang Yang di-pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Seterusnya isi kandungan draf tersebut sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk.

b. Nyatakan reaksi masyarakat terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- F1 Terdapat ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep jus soli
- H1a Bimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat.
- H1b Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi.
- H1c Bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa rasmi
- F2 Parti PAS mengkritik soal kewarganegaraan
- H2a Menganggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu
- H2b Mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara.
- H2c Menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi.
- F3 Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar.
- H3a Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan ini.
- F4 Terdapat sebahagian pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan.
- F5 MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian

- b. Nyatakan reaksi masyarakat yang wujud terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. 8 markah

Reaksi masyarakat terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ialah terdapat ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep jus soli. Merekaimbang kedudukan istimewa orang Melayu akan tergugat. Ahli UMNO juga mahu agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi dan Bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa rasmi.

Manakala reaksi Parti PAS mengkritik soal kewarganegaraan dalam draf perlembagaan. PAS menganggap perlembagaan tidak menjaga kepentingan orang Melayu sebaliknya mahu kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara dan menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi.

Dato' Onn Jaafar dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar dalam Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Sehubungan itu, Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4 Mei 1957 hingga 7 Mei 1957 untuk membincangkan draf perlembagaan ini.

Selain itu, terdapat sebahagian pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan dan MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian.

c. Pada pandangan anda, bagaimanakah semangat nasionalisme boleh terus dipupuk dalam kalangan generasi muda kita hari ini?

8 markah

**F1 Menerapkan semangat patriotisme di sekolah
H1a melahirkan generasi yang setia kepada negara.
F2 Bekerjasama antara satu sama lain
H2a Masyarakat hidup harmoni
H2b Mengelak isu-isu sensitif
F3 Menghayati prinsip Rukun Negara
H3a Taat dan setia kepada raja dan negara
H3b Menghormati undang-undang negara
H3c Mengamalkan ajaran agama
Mana-mana jawapan yang munasabah**

- c. Pada pandangan anda, bagaimanakah semangat nasionalisme boleh terus dipupuk dalam kalangan generasi muda kita hari ini? 8 markah

Semangat nasionalisme boleh terus dipupuk dalam kalangan generasi muda kita hari ini dengan cara menerapkan semangat patriotisme di sekolah agar dapat melahirkan generasi yang setia kepada negara.

Selain itu, semangat nasionalisme boleh terus dipupuk dengan cara bekerjasama antara satu sama lain supaya masyarakat hidup dalam suasana yang harmoni dengan mengelak daripada isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan kaum. Rumusan yang dapat dibuat hasil daripada kesan kerjasama antara kaum, wujud keharmonian hidup bermasyarakat yang boleh membantu ke arah kemajuan dan kemakmuran negara.

Selain itu, semangat nasionalisme boleh terus dipupuk dalam kalangan generasi muda kita hari ini dengan cara menghayati prinsip Rukun Negara iaitu dengan taat serta setia kepada raja. Ketaatan dan kesetiaan kepada raja dan negara boleh ditunjukkan dengan cara menghormati undang-undang negara dan mengamalkan ajaran agama seperti yang terdapat dalam Rukun Negara.

SEJARAH TINGKATAN 4



GEMPUR SPM TAJUK-TAJUK PENTING TINGKATAN 4

BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

BAB 10: PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

1. Pengertian kemerdekaan.
2. Persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.
3. Detik pemasyhuran kemerdekaan negara.
4. Kesan kemerdekaan terhadap negara kita.
5. Prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu.

1. Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah merupakan peristiwa yang penuh pengertian bagi negara kita.

a. Apakah maksud kemerdekaan?

-
- F1 Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing
 - F2 Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara
 - F3 *Kamus Dewan* ialah bebas daripada penjajahan
 - F4 Bebas daripada kurungan atau naungan
 - F5 Negara yang merdeka juga bermakna negara yang berdaulat

a. Apakah maksud kemerdekaan?

Kemerdekaan bermaksud bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing. Kemerdekaan juga bermaksud negara bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju sesebuah negara.

Kamus Dewan memberi maksud kemerdekaan ialah bebas daripada penjajahan, bebas daripada kurungan atau naungan.

Negara yang merdeka juga bermaksud negara yang berdaulat

b. Namakan DUA tokoh yang memberikan takrifan kemerdekaan

i. **F1 Sayyid Jamal al-Din al-Afghani**

F2 Rashid Rida

ii. **F3 Mahatma Gandhi**

F4 Nelson Mandela

iii. **F5 Soekarno**

F6 Tunku Abdul Rahman

F7 Tun Temenggong Jugah anak Barieng

F8 Tun Fuad Stephens

F9 Tun Dr. Mahathir Mohamad.

c. Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mempertahankan kemerdekaan negara kita?

- F1 Mengekalkan kedaulatan negara
 - F2 Mempertahankan hak bangsa
 - F3 Memelihara maruah bangsa/martabat bangsa
 - F4 Menjamin kesejahteraan hidup rakyat
 - F5 Mengekalkan kebebasan
 - F6 Melindungi budaya bangsa
 - F7 Bebas menentukan hala tuju negara
 - F8 Mengekalkan pemerintahan sendiri
 - F9 Mempercepat kemajuan negara
- mana-mana jawapan yang munasabah

c. Pada pandangan anda, mengapakah kita perlu mempertahankan kemerdekaan negara kita?

Kita perlu mempertahankan kemerdekaan negara kita supaya dapat mengekalkan kedaulatan negara dan mempertahankan hak bangsa

Kita juga perlu mempertahankan kemerdekaan negara kita supaya memelihara maruah bangsa serta martabat bangsa.

Kemerdekaan negara perlu dipertahankan bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat kerana melalui kemerdekaan kita akan dapat mengekalkan kebebasan negara dan dapat melindungi budaya bangsa.

Dengan kemerdekaan kita bebas menentukan hala tuju negara dan dapat mengekalkan pemerintahan sendiri serta dapat mempercepat kemajuan negara.

2.a Apakah tajuk lagu kebangsaan negara kita?

(1 markah)

NEGARAKU

b. Bagaimanakah anda menghormati lagu tersebut ketika menyanyi

(2 markah)

Berdiri tegak tangan di sisi
Menyanyi dengan penuh bersemangat
Menghayati seni kata

c. Berdasarkan pemahaman anda, jelaskan mesej yang terkandung dalam lirik lagu tersebut. (2 markah)

F1 Taat tanah tumpah kelahiran

F2 Setia kepada raja dan negara

F3 Rakyat hidup bersatu padu dalam masyarakat berbilang kaum

F4 Perpaduan rakyat mencapai kemajuan

Mana-mana jawapan yang munasabah

d. Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakan anda berusaha untuk melaksanakan mesej 3 c dengan berkesan ? (2 markah)

F1 Menumpukan kesetiaan kepada raja dan negara

F2 Menanamkan semangat patriotisme

F3 Cinta akan tanah air

F4 Mempertahankan kemerdekaan negara

Mana-mana jawapan yang munasabah

**e. Sebagai warganegara yang patriotik,apakah perasaan anda ketika mendengar lagu kebangsaan kita berkumandang? (1 markah)
Berikan dua alasan anda berperasaan demikian (2 markah)**

F1 Berasa bangga

F2 Cintakan akan negara

F3 Bersyukur lahir di bumi bertuah

Mana-mana jawapan yang munasabah

F1 Perpaduan masyarakat berbilang kaum

F2 Semangat toleransi

F3 negara aman dan sejahtera

Mana-mana jawapan yang munasabah

Terima Kasih